



KOD ETIKA

PERKHIDMATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN MALAYSIA

Kandungan

Muka Surat

1. Tujuan Kerja Sosial Perubatan	5
1.1 Komitmen dan matlamat	
1.2 Kerja sosial perubatan	
2. Tujuan Kod Etika Kerja Sosial Perubatan	6
3. Nilai Dan Prinsip Kerja Sosial Perubatan	7 - 13
3.1 Nilai: Martabat dan Maruah Manusia	
3.1.1 Prinsip-Prinsip	
3.2 Nilai: Keadilan Sosial	
3.2.1 Prinsip-Prinsip	
3.3 Nilai: Perkhidmatan Kemanusiaan	
3.3.1 Prinsip-Prinsip	
3.4 Nilai : Integriti	
3.4.1 Prinsip-Prinsip	
3.5 Nilai: Kemahiran/Kecekapan	
3.5.1 Prinsip-Prinsip	

4. Amalan Beretika

13 - 20

4.1 Tanggungjawab Beretika Secara Umum

- 4.1.1 Hormat martabat dan harga diri manusia
- 4.1.2 Komitmen kepada keadilan sosial
- 4.1.3 Khidmat kerja sosial perubatan
- 4.1.4 Integriti Profesional
- 4.1.5 Kemahiran/Kecekapan

4.2 Tanggungjawab Kepada Klien

20 - 30

- 4.2.1 Memberi keutamaan kepada kepentingan klien
- 4.2.2 Percanggahan kepentingan
- 4.2.3 Penentuan diri sendiri
- 4.2.3 (1) Perakuan Kebenaran
- 4.2.3 (2) Ketidakrelaan tanpa sukarela
- 4.2.4 Kesedaran budaya
- 4.2.5 Kerahsiaan Maklumat
- 4.2.6 Rekod
- 4.2.7 Penamatan/Gangguan perkhidmatan

4.3	Tanggungjawab Kepada Rakan Sekerja	30 - 31
4.4	Tanggungjawab Kepada Tempat Kerja	31 - 34
4.4.1	Penyediaan perkhidmatan	
4.4.2	Pengurusan	
4.5	Tanggungjawab Sebagai Ahli Profesion	34 - 38
4.5.1	Pendidikan, latihan, Penyeliaan dan penilaian	
4.5.2	Penyelidikan	
4.5.3	Persendirian/swasta	
4.6	Tanggungjawab Kepada Profesion	
5.	Garis panduan Membuat Keputusan Beretika	38 - 47
5.1	Membuat Keputusan Beretika	
5.1.2	Percanggahan kepentingan	
5.1.2(1)	Klien tanpa sukarela	
5.1.2(2)	Klien pelbagai	
5.1.2(3)	Kerahsiaan	
5.1.2(4)	Tempat kerja	
6.	Rujukan	

1. TUJUAN KERJA SOSIAL

1.1 Komitmen dan Tujuan

Profesion kerja sosial adalah merupakan profesion yang bermatlamat ke arah mengekal kesejahteraan manusia. Profesion ini berhasrat untuk memaksimumkan pembangunan potensi manusia dan memenuhi keperluan asas melalui komitmen yang samarata dalam melakukan kerja dengan orang lain dan membolehkan seseorang mencapai kehidupan sosial yang sejahtera. Ini melibatkan:

- Membela hak dan keperluan manusia
- Bekerja dengan individu, kumpulan dan komuniti dalam mencapai sumber-sumber komuniti meliputi sosial, ekonomi dan politik
- Menyediakan bantuan bagi memperbaiki kesejahteraan klien. Klien adalah individu, keluarga, kumpulan, komuniti, organisasi dan masyarakat khususnya mereka yang terabai, ditindas, tidak bernasib baik atau tidak mendapatkan keperluannya.
- Meningkatkan kesedaran struktur ketidaksamarataan
- Mempromosikan polisi dan amalan mendapatkan sumber-sumber yang diperuntukkan secara adil
- Bertindak membawa perubahan sosial bagi mengurangkan halangan sosial, ketidakadilan dan ketidaksamarataan
- Bagi melengkapkan matlamat ini, profesion kerja sosial seharusnya menuju ke arah:
 - ❖ Pembangunan dan pengaplikasian pengetahuan, teori dan kemahiran berkaitan dengan tingkahlaku manusia, proses sosial dan sumber.
 - ❖ Pembangunan dan pengagihan semula sumber untuk mencapai keperluan individu dan komuniti.

1.2 DEFINISI KONSEP KERJA SOSIAL PERUBATAN

Kerja sosial perubatan merupakan profesion menolong dalam konteks perkhidmatan kesihatan yang bertujuan membantu meningkatkan kefungasian sosial pesakit dan keluarga mereka untuk mencapai kesejahteraan hidup dalam masyarakat sesuai dengan keupayaan mereka.

Fungsi dan peranan pekerja sosial perubatan meliputi perkhidmatan sokongan terapi dan bantuan praktikal kepada pesakit dan keluarga mereka, menjalankan pentadbiran, penyelidikan, penyeliaan, pengajaran, konsultasi, pengurusan, penyelarasan dan penilaian untuk pembangunan sosial pesakit dan keluarga.

Profesion kerja sosial perubatan menyedari bahawa tanggungjawabnya adalah ke arah menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat dengan menyokong program dan aktiviti yang dilakukan oleh mana-mana pihak untuk menolong pesakit dan keluarga mereka yang memerlukan sokongan sosial.

2. TUJUAN KOD ETIKA KERJA SOSIAL PERUBATAN

Kod Etika Pegawai Pembangunan Masyarakat (Perubatan) Malaysia dibentuk adalah untuk membantu pengamal kerja sosial perubatan secara perseorangan atau secara kumpulan bertindak secara beretika dalam mencapai matlamat profesion. Semua pengamal seharusnya mematuhi kod ini dalam kapasiti profesion mereka. Etika ini perlu difahami oleh semua pengamal kerja sosial perubatan dan dibuka untuk semakan semula mengikut konteks perubahan dan berdasarkan pengalaman. Tujuan khusus kod etika ini adalah untuk :

- Mengenalpasti nilai dan prinsip yang berkaitan dengan amalan kerja sosial perubatan
- Menyediakan panduan dan standad bagi tingkahlaku dalam menjalankan perkhidmatan secara beretika dan akauntabiliti
- Menyediakan asas bagi refleksi beretika dan membuat keputusan

- Panduan kepada pekerja sosial perubatan apabila menentukan apa bentuk permintaan yang munasabah atau mengikut undang-undang yang boleh mereka lakukan terhadap majikan, rakan-rakan dan persatuan.
- Bertindak sebagai asas bagi penyiasatan aduan-aduan mengenai tingkahlaku tidak beretika oleh pengamal kerja sosial perubatan.

Nilai, prinsip dan tanggungjawab yang digariskan oleh kod etika ini akan membantu profesion kerja sosial perubatan, pekerja sosial perubatan, klien, majikan dan lain-lain pihak yang berminat untuk:

- Mengenalpasti tujuan profesion kerja sosial perubatan
- Mengenalpasti obligasi-obligasi profesional kerja sosial perubatan
- Mengenalpasti tingkahlaku beretika kerja sosial perubatan yang diterimapakai

3. NILAI DAN PRINSIP

Untuk memastikan sesuatu matlamat serta tujuan dapat dicapai, perkhidmatan kerja sosial perubatan perlu komited berasaskan lima nilai asas iaitu:

- Harga diri dan nilai diri
- Keadilan sosial
- Perkhidmatan kemanusiaan
- Integriti
- Kecekapan

Untuk menjayakan profesion serta tanggungjawabnya, seseorang pekerja sosial perubatan perlu bertindak dengan pelbagai cara yang akan menunjukkan rasa hormat terhadap harga diri dan nilai diri ke arah mencapai keadilan sosial. Komitmen yang akan ditunjukkan melalui perkhidmatan kepada kemanusiaan, integriti serta kecekapan dapat memperlihatkan tahap profesionalisme bidang kerja sosial perubatan.

3.1 Nilai: Harga diri dan Nilai diri

Profesion kerja sosial perubatan menyatakan bahawa:

- Setiap individu mempunyai nilai yang unik
- Setiap individu berhak terhadap keselamatan diri, keperluan diri, keyakinan diri, konsisten terhadap hak-hak individu lain.

3.1.1 Prinsip-prinsip

- a. Pekerja sosial perubatan menghormati hak dan nilai diri orang lain
- b. Pekerja sosial perubatan menghormati hak asasi setiap individu dan kelompok sebagaimana yang dinyatakan di dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (The United Nations Universal Declaration of Human Rights) atau mana-mana deklarasasi dari konvensyen-konvensyen lain.
- c. Pekerja sosial perubatan mengutamakan kesejahteraan individu, autonomi dan tanggungjawab persendirian atau sosial dengan mengambil kira hak orang lain.
- d. Pekerja sosial perubatan mengiktiraf dan menghormati identiti kumpulan dan saling memerlukan antara satu sama lain dan keperluan kolektif sesebuah komuniti.

3.2 Nilai: Keadilan sosial

Profesion kerja sosial perubatan percaya bahawa sesebuah masyarakat mempunyai hak untuk mencapai keadilan sosial, menyediakan kemudahan yang maksimum kepada semua ahlinya serta dapat melindungi mereka daripada sebarang ancaman.

Profesion ini percaya bahawa keadilan sosial merangkumi:

- Kepuasan terhadap keperluan asas manusia.
- Pembahagian sumber secara sama rata untuk memenuhi keperluan asas

- Kemudahan untuk mencapai perkhidmatan awam yang baik dan memberi faedah kepada pencapaian potensi individu.
- Mengiktiraf hak dan tanggungjawab setiap individu dan komuniti.
- Pembangunan sosial dan pengurusan persekitaran yang menekankan kebajikan manusia.

3.2.1 Prinsip-prinsip

- a. Pekerja sosial perubatan mempertahankan keadilan sosial dan bertindak untuk mengurangkan jurang perbezaan dan meningkatkan pilihan serta potensi semua individu dengan memberi penumpuan khusus kepada mereka yang tidak bernasib baik.
- b. Pekerja sosial perubatan bertindak dalam mengubah struktur sosial yang menyebabkan ketidakadilan dan ketidaksaksamaan.
- c. Pekerja sosial perubatan bertanggungjawab terhadap masyarakat dengan menggalakkan kesejahteraan masyarakat, memperjuangkan pembahagian sumber yang sama rata ke arah mencapai perubahan sosial yang positif .
- d. Pekerja sosial perubatan menyokong hak asasi manusia dengan menekankan kepada hak-hak sivil dan politik seiring dengan hak ekonomi, sosial dan budaya.
- e. Pekerja sosial perubatan menentang pencabulan hak-hak asasi manusia.
- f. Pekerja sosial perubatan menentang segala bentuk diskriminasi dan prejudis terhadap mana-mana individu dan kelompok. Pekerja sosial perubatan mencabar segala pandangan dan tindakan yang akan menghina individu serta kelompok berkaitan.
- g. Pekerja sosial perubatan mengiktiraf masyarakat pribumi Malaysia dan sejarahnya serta implikasi kewujudan masyarakat ini terhadap praktis kerja sosial perubatan.

- h. Pekerja sosial perubatan menghormati dan mengiktiraf masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang mempunyai adat dan budaya yang tersendiri.
- i. Pekerja sosial perubatan menyokong polisi berbentuk anti-penindasan dan menolak sebarang penyalahgunaan kuasa.
- j. Pekerja sosial perubatan menyumbang pengetahuan dan kepakaran untuk membantu pengurusan konflik dan kesannya terhadap individu, kumpulan dan masyarakat.
- k. Pekerja sosial perubatan menggalakkan penglibatan masyarakat di dalam ke arah pelaksanaan polisi sosial uuntuk membangunkan perkhidmatan kerja sosial perubatan.

3.3 Nilai: Perkhidmatan kepada kemanusiaan

Profesion kerja sosial perubatan melaksanakan perkhidmatan menjurus kepada kepentingan manusia sejagat dan menjadikan keadilan sosial sebagai objektif utama.

Matlamat asas perkhidmatan kerja sosial perubatan adalah:

- Untuk memenuhi keperluan pesakit dan keluarga
- Untuk membantu pesakit dan keluarga memajukan diri dengan potensi yang sedia ada.

3.3.1 Prinsip-prinsip

- a. Melalui praktis yang dijalankan , pekerja sosial perubatan mengutamakan kepentingan perkhidmatan daripada kepentingan diri sendiri.
- b Pekerja sosial perubatan menjalankan tugas atau mewakili individu untuk membantu mereka menghadapi segala kesulitan dari segi personal dan sosial. Tanggungjawab ini

- merangkumi amalan interpersonal, kerja berkumpulan, tindakan sosial, perkembangan polisi dan penyelidikan.
- c. Dalam memberikan perkhidmatan, pekerja sosial perubatan menggunakan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan klien mendapat faedah yang maksimum.
 - d. Pekerja sosial perubatan mengiktiraf dan menghormati matlamat, tanggungjawab dan perbezaan individu.
 - e. Pekerja sosial perubatan bertanggungjawab menggunakan bidang kuasa yang diberikan dalam memberikan perkhidmatan kemanusiaan.
 - f. Pekerja sosial perubatan membuat keputusan secara profesional berpandukan kepada kod etika kebangsaan dan antarabangsa.

3.4 Nilai: Integriti

Profesion kerja sosial perubatan menghargai nilai kejujuran, kebolehpercayaan dan bersikap adil dalam amalan kerja sosial perubatan.

3.4.1 Prinsip-prinsip

- a. Pekerja sosial perubatan menyokong dan mempromosi matlamat, nilai, prinsip, pengetahuan dan amalan profesion kerja sosial perubatan.
- b. Pekerja sosial perubatan mengekalkan kualiti profesionalisme yang tinggi dalam perkhidmatan dan tingkah laku mereka.
- c. Pekerja sosial perubatan memperjuangkan keadilan, mengutamakan pandangan dan kepentingan klien dan mengelakkan diri daripada terlibat dalam penyalahgunaan kuasa serta memberi pandangan peribadi.

3.5 Nilai: Kompeten

Nilai dan pencapaian profesion kerja sosial perubatan diukur melalui amalan kerja sosial perubatan.

3.5.1 Prinsip-prinsip

- a. Pekerja sosial perubatan mengenalpasti , mengembangkan , menggunakan dan menyebarkan pengetahuan , teori dan kemahiran melalui amalan kerja sosial perubatan.
- b. Pekerja sosial perubatan memperbaiki perkhidmatan kerja sosial perubatan dengan melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti seperti pendidikan profesional berterusan , penyeliaan dan kemajuan personal.
- c. Pekerja sosial perubatan menganalisis asas keperluan dan masalah sosial serta menggalakkan strategi dan teknik yang inovatif bagi memenuhi keperluan baru dan yang sedia ada.
- d. Pekerja sosial perubatan menyumbangkan kepakaran profesionalnya untuk kemajuan dan melaksanakan polisi serta program yang melibatkan kebajikan manusia.
- e. Pekerja sosial perubatan memastikan kecekapan profesional yang berterusan dengan memberi sumbangan terhadap pendidikan, latihan dan penyeliaan yang berterusan kepada rakan sekerja serta pelajar-pelajar yang terlibat di bawah seliaan pekerja sosial perubatan.
- f. Pekerja sosial perubatan bertanggungjawab terhadap tahap perkhidmatan kerja sosial perubatan dan para pelajar di bawah seliaan mereka.

4. AMALAN ETIKA PERKHIDMATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN

Bahagian ini akan menyediakan etika tingkahlaku yang diharapkan akan diamalkan oleh setiap pekerja sosial perubatan dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Pekerja sosial perubatan perlu menggunakan kebijaksanaan atau budi bicara dalam menjalankan tugas menangani isu-isu yang kompleks, berlandaskan kepada pengetahuan dan etika perkhidmatan kerja sosial perubatan. Dalam menjalankan tanggungjawab profesional, pekerja sosial perubatan turut berhak kepada perkara-perkara berikut:

- Hak menggunakan budi bicara dan pertimbangan secara profesional.
- Hak untuk memindah atau menolak daripada memberikan perkhidmatan berasaskan alasan yang munasabah.
- Hak untuk mendapatkan perlindungan dan keselamatan semasa melaksanakan perkhidmatan.
- Hak untuk mendapatkan kebebasan dari sebarang diskriminasi di tempat kerja.
- Hak untuk mendapatkan persekitaran tempat kerja yang sesuai, pendidikan secara berterusan dan latihan yang berkaitan.
- Hak untuk mendapatkan sokongan daripada rakan-rakan sekerja dalam profesion selagi ianya berlandaskan kepada etika dan tatacara yang dibenarkan.

Tanggungjawab amalan dibahagikan kepada enam kategori iaitu:

- Tanggungjawab etika secara am
- Tanggungjawab terhadap klien
- Tanggungjawab terhadap rakan sekerja
- Tanggungjawab di tempat kerja
- Tanggungjawab sebagai ahli profesion
- Tanggungjawab terhadap profesion

Tanggungjawab ini berasaskan kepada nilai dan prinsip yang perlu diamalkan.

Tanggungjawab-tanggungjawab ini menetapkan piawaian sebagai panduan bagi pekerja sosial perubatan untuk melaksanakan amalan yang terbaik.

Tanggungjawab-tanggungjawab ini juga boleh digunakan sebagai :

1. Panduan dan semakan untuk tujuan pengajaran dan penyeliaan
2. Kayu pengukur kepada penilaian tingkahlaku profesional
3. Asas dalam membuat penentuan berkaitan dengan lapuran pelanggaran kod etika.

4.1 TANGGUNGJAWAB ETIKA SECARA AM

4.1.1 Hormat kepada maruah dan nilai manusia

- a. Pekerja sosial perubatan akan menunjukkan rasa hormat kepada klien, memelihara, mempertahankan dan mempertingkatkan maruah mereka, keindividuan dan hak-hak mereka.
- b. Pekerja sosial perubatan akan menghargai kepercayaan, nilai, budaya, matlamat, keperluan dan kehendak individu juga ikatan kekeluargaan dan masyarakat. Mereka akan menghormati hak-hak manusia untuk memberi pandangan yang berbeza dengannya atau orang lain

- c. Pekerja sosial perubatan akan menghormati hak individu untuk membuat keputusan yang diketahuinya mengenai kesejahteraan, perkhidmatan dan sumber pilihan lain
- d. Pekerja sosial perubatan akan memastikan klien atau wakil yang diberi kuasa terlibat dalam proses membuat keputusan.

4.1.2 Komitmen kepada keadilan sosial

- a) Pekerja sosial perubatan akan mempertingkatkan polisi, amalan dan keadaan sosial yang menyokong hak manusia dan berusaha untuk memastikan keadilan dalam mendapatkan kemudahan, kesamarataan serta penglibatan semua.
- b) Pekerja sosial perubatan akan bertindak tanpa prasangka, berusaha untuk menghalang dan menghapuskan diskriminasi yang negatif berpandukan kepada landasan seperti kewarganegaraan, asal usul, bangsa, budaya, ugama, perawakan, bahasa, jantina, sosial, ekonomi, kesihatan, penyatuan politik dan sosial serta status perkahwinan.
- c) Pekerja sosial perubatan bertujuan memperkasakan individu, keluarga, komuniti dan masyarakat dalam mengejar dan mencapai sumber sosial, ekonomi, dan politik di samping mencapai penentuan diri, pengurusan diri dan kesejahteraan masyarakat.
- d) Pekerja sosial perubatan akan mengiktiraf kepelbagaian dalam masyarakat dan menggalakan polisi, prosedur dan amalan yang menghormati kepelbagaian.
- e) Pekerja sosial perubatan akan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pembangunan dan pelaksanaan program perkhidmatan sosial.

4.1.3 Perkhidmatan kerja sosial perubatan

- a) Pekerja sosial perubatan akan memberikan perkhidmatan yang cekap dan berperikemanusiaan kepada klien dengan penuh kesedaran dalam menjalankan tugas dan mematuhi prinsip-prinsip keadilan.
- b) Pekerja sosial perubatan akan memberikan bantuan kepada klien secara objektif, adil, bertingkah laku baik, mempercepatkan capaian kepada sumber, perkhidmatan, hak dan peluang untuk menyumbang kepada kesejahteraan.
- c) Pekerja sosial perubatan akan terlibat dalam proses memperkasakan klien untuk membolehkan klien meneruskan keperluan dan kepentingan selagi mana ianya sesuai dan mengambil kira kepentingan orang lain. Ini termasuk juga dalam usaha membela klien ataupun bagi pihak klien.
- d) Pekerja sosial perubatan akan berusaha memastikan perkhidmatan yang ditawarkan dan diberikan adalah bersesuaian dengan konteks budaya.
- e) Apabila membuat rujukan, pekerja sosial perubatan akan merujuk kepada mereka yang memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berprestasi baik.
- f) Apabila klien tidak berpuas hati dengan tahap perkhidmatan yang diberikan, pekerja sosial perubatan akan menasihati klien mengenai hak untuk membuat aduan, jalan yang sesuai untuk diambil dan prosedur untuk perlu diikuti dalam membuat aduan.
- g) Pekerja sosial perubatan akan mengekalkan komitmen kepada autonomi dan keadilan sosial apabila terlibat dalam tindakan sosial dan pembangunan komuniti dengan kumpulan klien dan komuniti.

- h) Pekerja sosial perubatan akan mempertingkatkan prinsip dan piawaian etika perkhidmatan profesion apabila melakukan perkhidmatan yang lebih luas seperti pentadbiran, pembangunan polisi, pelajaran dan penyelidikan.
- i) Pekerja sosial perubatan akan berusaha mendapatkan maklumat dan maklumbalas daripada klien dalam membuat penilaian terhadap perkhidmatan yang diberikan.

4.1.4 Integriti Profesional

- a) Pekerja sosial perubatan akan menjalankan tugas profesional secara integriti dan mengelakkan diri daripada tingkahlaku menyalahi prinsip dan piawai yang boleh merosakkan integriti profesion.
- b) Pekerja sosial perubatan akan menggambarkan kelayakan profesional, kecekapan, pengalaman, pencapaian dan digabungkan dengan kejujuran serta ketepatan.
- c) Tingkahlaku peribadi pekerja sosial perubatan tidak akan berkompromi bagi memenuhi tanggungjawab profesional
- d) Apabila membuat kenyataan awam, pekerja sosial perubatan akan menjelaskan samada mereka bertindak sebagai individu persendirian atau mewakili profesion pekerja sosial perubatan atau sebagai organisasi atau kumpulan. Apabila mewakili profesion atau organisasi, pekerja sosial perubatan akan merujuk kepada polisi, prosedur dan perkhidmatan yang betul serta mengasingkan antara pandangan peribadi dan rasmi.
- e) Pekerja sosial perubatan akan memastikan bahawa hubungan profesional tidak disalahgunakan bagi mendapat keuntungan peribadi, kebendaan atau kewangan.

- f) Pekerja sosial perubatan akan menghindari sebarang bentuk hubungan fizikal yang boleh melanggar batasan profesional dan merosakkan hubungan profesional.
- g) Menyedari bahawa konflik kepentingan boleh berlaku dalam hubungan yang pelbagai seperti dengan klien, bekas klien, peserta kajian, pelajar, penyelia atau rakan sekerja. Pekerja sosial perubatan akan bertindak mengenalpasti dengan jelas batasan profesional yang akan dapat mengurangkan risiko konflik dan eksploitasi yang boleh merosakkan hubungan profesional. Pekerja sosial perubatan perlu membela diri sekiranya ada aduan atau siasatan berkaitan dengan salah laku profesional.
- h) Pekerja sosial perubatan tidak akan terlibat dalam apa bentuk salah laku seksual dengan mana-mana pihak yang signifikan dalam hubungan profesional sehingga boleh menjejaskan kepercayaan dan keyakinan dalam menjalankan tanggungjawab
- i) Apabila terdapat kemungkinan berlakunya eksploitasi atau keadaan merbahaya, pekerja sosial perubatan tidak akan melibatkan diri dalam hubungan intim atau hubungan seksual dengan bekas klien. Dalam keadaan ini, pekerja sosial perubatan perlu dirujuk kepada pihak yang profesional.

4.1.5 Kecekapan Amalan

- a) Pekerja sosial perubatan bertindak mengekalkan dan meningkatkan tahap pengetahuan sediaada, teori dan kemahiran dalam usaha memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan amalan yang mempunyai akauntabiliti.
- b) Pekerja sosial perubatan akan melaksanakan amalan kerjanya hanya dalam ruanglingkup kompetensi atau di mana latihan/penyeliaan berkait dengan kesesuaian peranan yang dimainkan.

- c) Pekerja sosial perubatan akan menggunakan sebaik mungkin penyeliaan dan konsultasi yang diperolehi atau mengambil langkah secara aktif bagi memastikan mereka menerima penyeliaan yang sesuai sepanjang tempoh perkhidmatan demi mengekal dan meluaskan kecekapan amalan kerja sosial perubatan
- d) Pekerja sosial perubatan menghargai pendekatan-pendekatan dan metodologi baru ke arah meningkatkan kepakaran profesion.
- e) Pekerja sosial perubatan akan menyertai usaha untuk membangun dan melaksanakan pengetahuan dan amalan budaya yang sesuai untuk memastikan kecekapan dalam memberikan perkhidmatan yang peka terhadap pelbagai budaya.
- f) Pekerja sosial perubatan akan memajukan asas pengetahuan kerja sosial perubatan dengan membantu dan menyumbang ke arah penilaian, penyelidikan, berkongsi pengetahuan penyelidikan dan amalan yang baik dengan rakan setugas.
- g) Pekerja sosial perubatan akan mengambil tindakan yang bersesuaian jika berlaku kejadian yang tidak sihat, kepincangan atau sebarang faktor yang boleh menghalang pengadilan atau pelaksanaan tugas yang professional.

4.2 TANGGUNGJAWAB TERHADAP KLIEN

4.2.1 Keutamaan Kepada Kepentingan Klien

- a) Pekerja sosial perubatan akan mengekalkan keutamaan terhadap kepentingan klien sebaik mungkin.
- b) Dalam keadaan tertentu, kepentingan orang lain atau keperluan undang-undang boleh melebihi kepentingan klien. Sekiranya keadaan ini berlaku, klien seharusnya diberikan kesedaran bahawa ianya boleh menjejaskan kepentingan mereka atau orang lain
- c) Pekerja sosial perubatan akan mendapatkan perlindungan terhadap hak dan kepentingan klien yang mempunyai keupayaan terbatas dalam membuat keputusan terhadap dirinya atau apabila orang lain bertindak membuat keputusan bagi pihak klien sama ada orang itu diberikan kuasa berdasarkan undang-undang atau tidak .
- d) Pekerja sosial perubatan akan bekerjasama dengan anggota profesional dan agensi lain yang menyediakan khidmat bantuan bagi kepentingan klien dengan mengekalkan hak persendirian, dan ianya mestilah di dalam pengetahuan dan keizinan klien apabila perlu. Pekerja sosial perubatan juga akan memperakui hak klien dalam membuat penentuan sendiri dan jika perlu melibatkan klien dalam perundingan yang dijalankan.
- e) Pekerja sosial perubatan akan mengenalpasti dan mempertingkatkan kepentingan klien berdasarkan undang-undang yang sah terhadap klien yang dirujuk tanpa kerelaan.

4.2.2 Konflik Kepentingan

- a) Pekerja sosial perubatan perlu sentiasa memberi perhatian terhadap potensi berlakunya konflik kepentingan yang boleh mempengaruhi keupayaan mereka untuk menggunakan budi bicara serta pertimbangan yang tidak berat sebelah. Kepentingan-kepentingan ini boleh berpunca daripada faktor peribadi, emosi, seksual, kekeluargaan, sosial, keagamaan, kewangan, perniagaan, profesional, politik atau faktor organisasi .

Dalam situasi yang boleh dijangka,, pekerja sosial perubatan perlu memberitahu kepentingannya kepada pegawai atasannya dan berunding mengenai langkah penyelesaian yang perlu diambil. Jika konflik kepentingan sudah wujud dalam hubungan profesional, pekerja sosial perubatan perlu memaklumkan dan mengambil tindakan yang sesuai seperti mendapatkan khidmat nasihat daripada orang yang lebih berpengalaman. Tindakan ini mungkin membawa kepada perundingan semula hubungan profesional tersebut atau menamatkannya dan merujuk kepada pihak lain yang lebih sesuai.

4.2.3 Penentuan Diri Klien

- a) Pekerja sosial perubatan akan meningkatkan penentuan diri dan kuasa autonomi klien untuk membolehkan klien memaklumkan keputusan bagi pihak diri mereka sendiri.
- b) Pekerja sosial perubatan akan berbincang dengan klien berkenaan hak dan tanggungjawab mereka serta membekalkan maklumat yang diperlukan dengan jujur dan tepat dalam perkara-perkara berikut :-
- Bentuk Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan yang ditawarkan
 - Maklumat yang telah direkodkan dan siapa yang akan mengakses maklumat tersebut

- Tujuan, bentuk, had dan implikasi yang perlu diketahui terhadap pilihan mereka .
 - Jangkaan terhadap potensi risiko dan faedah yang dikehendaki akibat tindakan yang diambil.
 - Hak mereka untuk mendapatkan pandangan kedua atau menolak serta menamatkan perkhidmatan yang diberi (di mana klien adalah klien sukarela).
 - Hak untuk membuat dan menyalurkan aduan mereka .
- c) Pekerja sosial perubatan akan bertindak untuk mengurangkan halangan terhadap keupayaan penentuan sendiri klien bagi mereka yang tidak boleh bertindak bagi pihak diri sendiri disebabkan faktor seperti mudah beremosi, ketidakupayaan dan terlalu bergantung kepada orang lain.
- d) Pekerja sosial perubatan akan berusaha untuk meminimumkan penggunaan undang-undang atau lain-lain cara paksaan. Sebarang tindakan yang boleh menganiaya atau menghapuskan hak sivil atau undang-undang klien mesti dilakukan secara beretika, profesional dan mengikut undang-undang. Tindakan sedemikian seharusnya diambil hanya selepas penilaian yang teliti terhadap situasi tersebut dibuat dan jika perlu melibatkan kerjasama dengan klien atau lain-lain profesional.

4.2.3(1) Pemakluman Persetujuan (Informed Consent)

- a) Pekerja sosial perubatan akan memastikan klien memahami makna pemakluman persetujuan dan dalam situasi mana ia mungkin diperlukan.
- b) Apabila Klien mempunyai keupayaan yang terbatas untuk melaksanakan atau menyatakan persetujuannya berkait dengan kebebasannya membuat keputusan dan tindakan yang terhad, Pekerja Sosial perubatan akan menyediakan maklumat mengikut kesesuaian tahap pemahaman klien.

- c) Apabila pemakluman persetujuan diperlukan dan klien tidak dapat memberikannya, Pekerja sosial perubatan akan dan dengan keizinan klien jika perlu, mendapatkan pemakluman persetujuan dari pihak yang diberi kuasa bersesuaian dengan perundangan Negara bagi menyediakan pemakluman persetujuan bagi pihak klien.
- d) Kanak-kanak haruslah diberikan peluang untuk memberikan persetujuan bergantung kepada tahap kematangan dan pemahaman mereka kecuali jika perkhidmatan yang diberi memerlukan persetujuan dari ibubapa atau penjaga mereka.

4.2.4 (2) Klien Yang Bukan Sukarela

- a) Pekerja sosial perubatan menyedari bahawa terdapat sesetengah klien yang mempunyai keupayaan terbatas di dalam mengetengahkan penentuan sendiri disebabkan klien mungkin terdiri dari golongan yang bukan secara sukarela atau disebabkan tindakannya boleh memberi ancaman serius kepada diri mereka atau orang lain.
- b) Dalam kes di mana hak penentuan sendiri klien dihadkan oleh peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial, pihak yang bertanggungjawab dalam penjagaan, undang-undang atau oleh pihak penyedia perkhidmatan yang lain, Pekerja sosial perubatan akan membantu klien berunding dan mendapatkan kuasa autonominya seboleh mungkin. Dalam keadaan ini, klien yang bukan sukarela harus diberikan kesedaran bahawa mereka mempunyai hak untuk menolak perkhidmatan yang diberi dan harus diberi nasihat mengenai sejauhmana dan keadaan bagaimana maklumat seharusnya akan dikongsi dengan pihak lain.
- c) Pekerja sosial perubatan akan mengalakkan klien yang bukan sukarela melibatkan diri dalam membuat keputusan berkenaan matlamat, pilihan alternatif dan

perkhidmatan yang bersesuaian dengan mereka. Klien perlu dimaklumkan mengenai keputusan yang diambil ke atas mereka sekiranya perlu, kecuali jika ada bukti bahawa sekiranya maklumat tersebut disebarkan ianya boleh menjejaskan atau memberi kesan yang memudaratkan individu atau awam.

- d) Pekerja sosial perubatan yang terlibat dalam menguatkuasakan peraturan akan memperakui bentuk dan tanggungjawab terhadap sebarang peraturan yang diberi kuasa kepadanya dan memastikan prinsip keadilan diaplikasikan dalam semua kes. Pekerja sosial perubatan perlulah menasihatkan klien mengenai batas-batas kuasa dan hal yang berkaitan dengan kuasa tersebut secara jelas dan tepat semasa sesi perbincangan bersama dijalankan. Pekerja sosial perubatan seharusnya sentiasa berjaga-jaga terhadap potensi kesan kuasa paksaan terhadap klien yang bukan sukarela.

4.2.5 Kesedaran Budaya

- a) Pekerja sosial perubatan perlulah memahami akan kepentingan budaya dalam amalan kerja mereka, menyedari kesan identiti bangsa dan budaya mereka, pandangan yang bias boleh mempengaruhi amalan mereka serta klien yang berbeza-beza latarbelakang budayanya.
- b) Pekerja sosial perubatan akan memperolehi pengetahuan dan pemahaman mengenai gabungan di antara bangsa, budaya, identiti, nilai, kepercayaan dan adat resam klien dalam amalan kerja mereka.
- c) Pekerja sosial perubatan akan mengenalpasti dan memahami kepelbagaian budaya yang mempengaruhi perbezaan keperluan individu, keluarga, kumpulan dan komuniti.

- d) Pekerja sosial perubatan akan sentiasa peka dan memahami perspektif serta tindakbalas klien yang tidak semestinya selaras dengan kehendak Pekerja sosial perubatan itu sendiri atau masyarakat umum.
- e) Pekerja sosial perubatan akan memastikan dan mengambil kira keinginan klien dalam hal di mana klien berharap isu kerahsiaan mereka digunapakai dalam konteks budaya mereka sahaja.
- f) Pekerja sosial perubatan akan berusaha memberikan perkhidmatan kepada klien dalam bahasa yang difahami mereka dan diucapkan oleh mereka sendiri, jika perlu dan sesuai, jurubahasa yang bertauliah atau pengalih bahasa bolehlah digunakan.
- g) Apabila berurusan dengan pendidikan, pentadbiran, pembangunan polisi dan seumpamanya, Pekerja sosial perubatan perlulah mengetengahkan kesedaran isu budaya dan silang budaya serta sensitiviti amalan budaya.

4.2.6 Maklumat Rahsia dan Sulit.

- a) Pekerja sosial perubatan hendaklah menghormati hak klien berkaitan dengan hubungan kepercayaan, maklumat sulit dan kerahsiaannya serta bertanggungjawab terhadap penggunaan maklumat yang diperolehi semasa khidmat profesional diberikan. Ianya melibatkan aspek berikut :-
 - o Berhati-hati supaya tidak menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan hak kebebasan klien semasa mendapatkan maklumat.
 - o Mendapatkan pemakluman persetujuan bertulis daripada klien atau wakil yang diberi kuasa apabila menggunakan maklumat mereka .
 - o Menentukan kepada siapa klien hendak atau tidak hendak memberitahu maklumat tersebut dan sejauh mana lengkapnya maklumat itu.

- Menentukan daripada siapa maklumat mengenai klien dikehendaki
 - Menjaga maklumat yang diperolehi daripada ahli keluarga atau lainnya yang berkait dengan klien adalah sama kerahsiaannya sepertimana maklumat klien.
- b) Pada permulaan sebuah hubungan yang profesional, Pekerja sosial perubatan akan memaklumkan kepada klien atau wakil yang diberi kuasa berhubung perkara berikut :-
- Had batasan kerahsiaan dalam keadaan tertentu, seperti memberitahu kepada agensi berkaitan keperluan undang- undang atau perkongsian maklumat terhadap perekodan dan maklumat pengkomputeran jika diperlukan.
 - Tujuan maklumat itu di kehendaki.
 - Sumber dimana maklumat boleh di perolehi.
 - Bagaimana maklumat itu akan digunakan.
 - Hak untuk melihat atau menyemak rekod mereka.
- c) Pekerja sosial perubatan hanya menggunakan maklumat yang sulit bagi tujuan yang diperlukan sahaja atau dengan persetujuan daripada klien bagi tujuan yang berkaitan atau dengan pengecualian undang-undang (seperti sapina mahkamah, keperluan perundangan).
- d) Pekerja sosial perubatan akan berkomunikasi mengenai kerahsiaan klien hanya kepada anggota yang berkaitan sahaja samada dengan kehadiran klien atau adanya pemakluman persetujuan daripada klien.

- e) Apabila hendak mendedahkan maklumat, Pekerja sosial perubatan akan melindungi hak klien dan menghadkan maklumat yang diperolehi untuk sesuatu tujuan.

Maklumat mungkin akan didedahkan tanpa persetujuan klien apabila berkait dengan etika atau sebab perundangan, contohnya :-

- ❖ Untuk memenuhi peraturan dan keperluan undang-undang (seperti Akta Perlindungan Kanak-kanak).
- ❖ Untuk melindungi klien , individu lain atau orang awam di mana mereka yang bertanggungjawab sedar akan adanya risiko ke atas keselamatan klien atau orang lain.

Sebelum mengambil tindakan bagi mendedahkan maklumat klien tanpa kebenaran, tahap risiko haruslah dinilai dengan berhati-hati, sebaik-baiknya membuat perbincangan dengan profesional yang lain. Klien hendaklah diberitahu apabila pendedahan tanpa izin berlaku kecuali jika terdapat bahaya atau keperluan perundangan.

- f) Pekerja sosial perubatan akan berusaha memperolehi pemakluman persetujuan daripada klien atau wakil yang diberi kuasa sebelum aktiviti klien direkodkan secara mekanikal atau elektronik oleh pihak ketiga.
- g) Di dalam keadaan di mana dua atau lebih orang yang terlibat, Pekerja sosial perubatan hendaklah menjelaskan tentang hak atau rahsia klien kepada mereka yang terlibat. Mereka hendaklah mendapatkan kerjasama daripada ahli kumpulan bagi menghormati hak atau rahsia perkongsian maklumat tersebut.

- h) Pekerja sosial perubatan akan memastikan maklumat klien tidak diketahui oleh orang lain dengan menukarkan identiti maklumat lengkap klien apabila dibenarkan untuk menggunakan maklumat sulit tersebut bagi tujuan seperti pembentangan kes, rundingan, pengajaran, penyelidikan atau pembelajaran.

4.2.6 Rekod

- a) Pekerja sosial perubatan akan merekodkan maklumat secara saksama, adil dan tepat dengan mengambil kira :-
 - o Melaporkan hanya yang penting, berkaitan dan lengkap.
 - o Mengelakkan daripada menggunakan bahasa yang boleh menyentuh emosi atau menghina klien.
 - o Melindungi hak klien dan sesiapa sahaja yang terlibat di dalam keadaan tersebut.

Apabila rekod dikongsi melepasi sempadan profesional atau agensi, maklumat itu hendaklah direkod hanya yang diperlukan oleh klien dan memenuhi keperluan yang telah dinyatakan. Apabila menghantar maklumat melalui siaran mekanikal atau elektronik, perhatian hendaklah diberikan terhadap perlindungan hak klien.

- b) Sebelum menggunakan rekod klien untuk sebarang tujuan yang tidak dibenarkan secara khusus, pekerja sosial perubatan akan mendapatkan keizinan daripada klien atau wakil mereka dan membuang maklumat identiti klien. Jika identiti klien tidak perlu dialihkan atau diasingkan, pengetahuan dan keizinan mereka adalah diperlukan. Dalam keadaan tertentu, kebenaran untuk mencapai rekod klien akan mungkin diberikan oleh undang-undang dan peraturan. Sebelum maklumat dikeluarkan, kuasa diri orang yang memohon untuk mencapai maklumat klien hendaklah disemak terlebih dahulu bagi memastikan hanya maklumat yang dikehendaki sahaja boleh dikeluarkan. Jika tidak mendapat keizinan daripada

klien, usaha hendaklah dilakukan bagi memberitahu mereka bahawa capaian tersebut adalah dijamin kerahsiaannya.

- c) Pekerja sosial perubatan hendaklah memastikan klien mempunyai alasan untuk mencapai rekod kerja sosial perubatan yang berkaitan dengan mereka. Walaubagaimanapun, jika terdapat alasan untuk menolak capaian rekod tersebut dari segi paksaan profesional, etika atau undang-undang, pekerja sosial perubatan hendaklah menasihatkan klien mengenai hak mereka untuk memohon menyemak semula keputusan yang telah dibuat menerusi saluran organisasi atau undang-undang.
- d) Pekerja sosial perubatan akan mengambil berat untuk melindungi kerahsiaan orang lain apabila membenarkan klien mengakses rekod yang berkenaan.
- e) Jika klien tidak berpuashati terhadap rekod atau perkhidmatan yang diberikan, Pekerja sosial perubatan akan menasihatkan mereka tentang mekanisme aduan.
- f) Pekerja sosial perubatan akan melindungi rekod klien dan menyimpan dengan selamat sehingga tempoh masa yang ditetapkan.
- g) Apabila melupuskan rekod sulit, rekod hendaklah diracik dalam mesin peracik atau di bakar. Rekod elektronik atau mekanikal hendaklah dipadamkan.

4.2.7 Penamatan / Gangguan Perkhidmatan

- a) Pekerja sosial perubatan akan berunding semula atau menamatkan hubungan profesional dan khidmat dengan klien apabila hubungan dan khidmat itu tidak lagi diminati atau diperlukan oleh klien. Samada keputusan untuk berunding semula atau menamatkannya itu dibuat oleh klien atau Pekerja sosial perubatan, alasan untuk membuat keputusan hendaklah diambilkira dan dibincangkan. Pekerja sosial perubatan hendaklah berbincang dengan klien terhadap keperluannya,

membuat pilihan dan memilih sebelum meneruskan atau menamatkan perkhidmatan yang ditawarkan atau merujuk ke pihak lain.

- b) Pekerja sosial perubatan hendaklah menghormati hak klien sukarela untuk meneruskan perkhidmatan, mengambil pekerja mahir lain atau mencari pendapat kedua. Jika penamatan adalah pilihan klien, Pekerja sosial perubatan hendaklah berbincang dengan klien berkenaan isu terbabit dan menawarkan bantuan serta proses untuk dilaksanakan.
- c) Jika penamatan atau gangguan terhadap hubungan profesional bagi alasan personal atau alasan profesional, Pekerja sosial perubatan hendaklah memberikan pandangan kepada klien berhubung dengan perkhidmatan yang tidak akan diteruskan dan jika perlu, pastikan mereka dirujuk kepada pakar profesional lain.

4.3 TANGGUNGJAWAB TERHADAP RAKAN SEKERJA

- (a) Pekerja sosial perubatan seharusnya menjalinkan hubungan dengan rakan sekerja atau rakan dari bidang kerja yang lain dengan rasa penuh hormat, jujur, sopan dan mampu mencari jalan penyelesaian secara baik jika berlaku percanggahan pendapat atau tindakan.
- (b) Semasa bekerja dalam kumpulan, pekerja sosial perubatan seharusnya bersikap menghormati terhadap pengetahuan atau kepakaran setiap ahli dalam kumpulannya atau kumpulan yang lain demi kebaikan klien.
- (c) Pekerja sosial perubatan seharusnya bekerjasama dengan badan-badan lain dalam mempromosi dan mengembangkan idea, pengetahuan, teori dan kemahiran, pengalaman dan peluang bagi meningkatkan tahap profesionalisma dan perkhidmatan kerja sosial perubatan.

- (d) Sebelum pekerja sosial perubatan menerima seseorang klien daripada pekerja sosial perubatan yang lain atau agensi luar, pekerja sosial perubatan tersebut perlu meminta kebenaran daripada klien untuk berhubung semula dengan pekerja sosial perubatan yang merujuk atau agensi luar berkenaan jika perlu.
- (e) Pekerja sosial perubatan harus berwaspada dan berhati-hati dalam melaksanakan tugas dalam bidang ini kerana bidang ini berpotensi mewujudkan konflik kerja apabila wujudnya hubungan personal yang rapat, hubungan sosial, hubungan perniagaan atau hubungan seksual dengan rakan sekerja.
- (f) Pekerja sosial perubatan perlu berfikiran terbuka dan menerima sebarang kritikan membina terhadap tingkahlaku atau tindakan semasa beliau bertugas. Sebarang aduan yang diterima mengenai rakan sekerja, jika dirasakan perlu dipertahankan haruslah berbuat demikian dan perlu diperbincangkan atau diselesaikan secara profesional.
- (g) Jika terdapat rakan sejawat yang disyaki atau didapati tidak berhemah, tidak cekap dan tidak beretika dalam melaksanakan kerjanya, maka pekerja sosial perubatan harus memaklumkan kepada badan yang berkaitan. Setiap pekerja sosial perubatan juga sepatutnya sudah mahir dan tahu tentang prosedur untuk menangani aduan-aduan mengenai bidang kerjanya dan prosedur organisasi tempat kerja atau Persatuan Pegawai Pembangunan Masyarakat (Perubatan) Malaysia.

4.4 TANGGUNGJAWAB DI TEMPAT KERJA

4.4.1 Penyediaan Perkhidmatan

- a) Pekerja sosial perubatan akan berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif organisasi tempat kerja selaras dengan keperluan kod etika.

- b) Pekerja sosial perubatan bekerja ke arah tahap perkhidmatan kerja sosial perubatan yang terbaik.
- c) Pekerja sosial perubatan menggunakan sumber-sumber dalam organisasi dengan jujur dan hanya untuk keperluan yang dikehendaki.
- d) Pekerja sosial perubatan berusaha untuk memberi cabaran yang bersesuaian dan berusaha untuk memperbaiki polisi, prosedur dan amalan perkhidmatan di mana berlakunya keadaan seperti berikut:
- Tidak mementingkan kehendak klien
 - Tidak saksama
 - Menindas, tidak memperkasakan klien dan tindakan yang tidak sesuai dengan sesuatu budaya
 - Diskriminasi
- e) Apabila polisi atau prosedur majikan menyalahi tahap profesional, Pekerja sosial perubatan seharusnya berusaha membuat perubahan melalui perundingan dengan menggunakan saluran yang bersesuaian dalam organisasi.
- f) Pekerja sosial perubatan seharusnya mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan majikan menyedari tentang kod etika dan menyokong keadaan dan polisi yang mencerminkan etika tersebut.
- g) Pekerja sosial perubatan akan mempertahankan prinsip-prinsip etika dan tanggungjawab-tanggungjawab yang terdapat dalam kod etika ini, walaupun polisi majikan atau arahan rasmi berkemungkinan tidak sesuai dengan perkhidmatannya. Percubaan untuk menyelesaikan konflik di antara prinsip-prinsip etika dengan polisi dan amalan organisasi, seharusnya selari dengan nilai dan prinsip kod etika ini

- h) Pekerja sosial perubatan terlibat dengan usaha untuk memperbaiki perkhidmatan atau suasana kerja berpandukan etika profesion ini.

4.4.2 Pengurusan

Sebagai tambahan kepada perkhidmatan Kod secara umum, pekerja sosial perubatan yang terlibat dalam pengurusan etika tanggungjawab yang lebih khusus.

- a) Majikan perlu menggalakkan pekerja untuk memahami prinsip dan objektif kod etika dan memastikan tiada faktor-faktor negatif yang menghalang kepatuhan terhadap kod etika ini.
- b) Menggalakkan polisi dan amalan yang tidak bersifat diskriminasi serta menyokong sumber-sumber yang boleh memenuhi keperluan klien.
- c) Menggalakkan kerja berpasukan , komunikasi yang berkesan, cekap dan bertanggungjawab terhadap perkhidmatan kerja sosial perubatan.
- d) Mengatur penyeliaan perkhidmatan secara profesional dan bersesuaian untuk kakitangan perkhidmatan kerja sosial perubatan
- e) Memastikan bahawa kakitangan di bawah arahan mereka menerima latihan berterusan dan pendidikan profesional dan menggalakkan sumber-sumber yang menyokong keperluan pembangunan kakitangan.
- e) Menyediakan peluang untuk kakitangan mendapatkan sokongan dan maklumbalas yang berterusan ketika menghadapi krisis.
- h) Menggunakan kewangan hanya untuk perbelanjaan yang perlu sahaja

4.5 TANGGUNGJAWAB SEBAGAI AHLI PROFESION

4.5.1 Pendidikan, Latihan, Penyeliaan Dan Penilaian

Sebagai tambahan bagi melengkapkan lagi Kod Etika kerja sosial perubatan, pekerja sosial perubatan yang terlibat dalam aktiviti pendidikan, latihan, penyeliaan atau penilaian perlu mengambil tanggungjawab yang khusus.

- a) Mempunyai dan mengekalkan pengetahuan yang diperlukan, kemahiran dan metodologi yang sesuai untuk melaksanakan tugas dengan cekap.
- b) Berusaha memastikan bahawa hubungan profesional di dalam bidang ini adalah membina dan tidak dieksploitasikan
- c) Menerapkan nilai etika dan prinsip profesion kerja sosial perubatan sebagai komponen dalam pengajaran.
- d) Memberikan pendidikan kepada pelajar bidang kerja sosial perubatan dan memantau pengetahuan serta pemahaman mereka terhadap profesion sebagai pekerja sosial perubatan. Kod ini juga memberikan penekanan terhadap hubungannya dengan latihan mereka.
- e) Memberitahu pelajar mengenai tanggungjawab etika mereka kepada agensi, penyelia dan klien.
- f) Berusaha memastikan pelajar-pelajar diselia secara efektif semasa penempatan di lapangan.

- g) Mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi memastikan pelajar dalam bidang kerja sosial perubatan dan pekerja sosial perubatan bertindak bersesuaian dengan prinsip-prinsip di dalam kod ini.
- h) Menyedari bahawa peranan penyelia adalah bermaksud memberi pendidikan, sokongan, membina dan memberi tumpuan kepada tugas. Dalam keadaan di mana pelajar yang diselia memohon atau memerlukan terapi, penyelia seharusnya merujuk kepada pengamal lain yang lebih cekap.
- i) Membuat penilaian terhadap pelajar dengan adil dan bertanggungjawab.

4.5.2 Penyelidikan

Sebagai tambahan kepada peruntukan umum kod etika kerja sosial perubatan, pekerja sosial perubatan yang terlibat di dalam penyelidikan mempunyai tanggungjawab yang khusus.

- a) Memerhati kebiasaan dalam etika penyelidikan keilmuan apabila terlibat dalam kajian dan penyelidikan.
- b) Mendapatkan pengamal yang berkelayakan sahaja untuk menjalankan kajian yang memerlukan pengaplikasian kepakaran teknik penyelidikan yang khusus.
- c) Mengutamakan kepentingan orang lain yang terlibat dalam penyelidikan atau projek penyelidikan melebihi kepentingan peribadi pekerja sosial perubatan.
- d) Mengambil kira dengan teliti kesan-kesan yang mungkin terjadi kepada individu yang terlibat atau komuniti sebelum mereka terlibat atau terikat dengan cadangan penyelidikan dan juga sebelum hasil penyelidikan diterbitkan.

- e) Mengemukakan cadangan penyelidikan kepada badan pemantau yang berkenaan.
- f) Memastikan bahawa langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk melindungi hak persendirian dan maruah peserta penyelidikan
- g) Memastikan bahawa persetujuan yang diterima dari peserta penyelidikan diperolehi samada dari peserta yang berpotensi untuk penyelidikan ataupun dari wakil mereka. Sebagai tambahan, kanak-kanak dan peserta-peserta lain yang mempunyai alasan tertentu juga perlu diambilkira pandangan mereka dan peluang harus diberikan untuk mereka menyampaikan sebarang cadangan atau bantahan terhadap prosedur penyelidikan. Pandangan golongan ini haruslah diberikan perhatian yang setimpal dengannya.
- h) Persetujuan hendaklah dibuat secara sukarela tanpa paksaan atau mengurangkan faedah yang boleh diberikan kepada peserta disebabkan keengganan mereka menyertai kajian. Peserta seharusnya dimaklumkan bahawa mereka boleh keluar daripada program pada bila-bila masa dengan mengambilkira syarat-syarat yang dinyatakan dalam kemasukan dan penamatan serta tiada kompromi terhadap sebarang layanan yang diterima dari khidmat berkaitan.
- i) Berusaha untuk melindungi peserta penyelidikan dari keadaan yang tidak selesa merangkumi aspek fizikal, mental, emosi, tekanan, kesusahan, bahaya dan kehilangan.
- j) Memastikan peserta kajian dan data yang dikumpulkan dipelihara kerahsiaannya dan hanya boleh dibincangkan dalam keadaan yang tertentu untuk tujuan profesional sahaja.

- k) Melaporkan hasil penyelidikan dengan secara tepat dan objektif, memberikan penghargaan kepada sumbangan orang lain yang terlibat dan menghormati undang-undang hak cipta. Di dalam penyelidikan dan usaha keilmuan, penghargaan seharusnya diterima hanya untuk kerja-kerja yang sebenarnya telah dilaksanakan.
- l) Mengemukakan hasil kajian yang menunjukkan tentang ketidaksamarataan atau ketidakadilan dalam masyarakat untuk perhatian badan-badan tertentu.
- m) Menyimpan hasil kajian di tempat yang selamat dan mengikut tempoh masa yang diperlukan.

4.5.3 Amalan Persendirian (Private practice)

Sebagai tambahan kepada syarat-syarat umum kod, pengamal kerja sosial perubatan persendirian akan bertanggungjawab terhadap etika tertentu:

- a) Menasihati klien berkenaan jadual pembayaran dan sebarang kos sebelum memulakan khidmat profesional dan caj yang dikenakan hanya untuk tempoh masa dan khidmat yang telah dijanjikan.
- b) Mengaturkan perkhidmatan sementara atau pengantian perkhidmatan yang bersesuaian kepada klien bila pekerja sosial perubatan tidak dapat meneruskan amalan.
- c) Memaklumkan dan menawarkan kepada klien mengenai rujukan yang bersesuaian apabila klien memerlukan khidmat lain yang di luar dari kepakaran. Pekerja sosial perubatan boleh memberikan maklumat mengenai sumber/perkhidmatan yang berkaitan.

- d) Tidak meminta atau mengambil kesempatan kepada klien atau rakan-rakan klien atau tempat klien bekerja untuk mendapatkan perkhidmatan persendirian yang disediakan.
- e) Mengekalkan dan memelihara rekod amalan kerja sosial perubatan mengikut kod etika ini.

4.5 TANGGUNGJAWAB TERHADAP PROFESION

- a) Pekerja sosial perubatan akan memelihara maruah dan integriti terhadap profesion ini dan akan melaksanakan tugas berdasarkan pengetahuan asas kerja sosial yang diperakukan.
- b) Pekerja sosial perubatan akan memperjuangkan dan mempromosikan kecemerlangan kerja sosial perubatan. Mereka akan berhubung antara satu sama lain dalam perbincangan dan memberikan kritikan membina secara teori serta kaedah amalannya terhadap profesion ini.
- c) Pekerja sosial perubatan akan membantu mempromosikan proses dan hasil profesion kerja sosial perubatan dan akan mempertahankan profesion ini dari kritikan yang tidak adil.
- d) Pekerja sosial perubatan akan mengambil tindakan yang bersesuaian sekiranya berlaku penyimpangan terhadap Kod Etika.
- e) Pekerja sosial perubatan akan bekerjasama dengan PPPM(P)M bagi siasatan terhadap perkara-perkara yang melibatkan aduan dan sebarang keperluan di dalam perbicaraan yang melibatkan tindakan disiplin terhadap pekerja sosial perubatan.

- f) Pekerja sosial perubatan akan melaporkan kepada organisasi yang berkaitan atau persatuan terhadap seseorang yang telah gagal menunjukkan kecekapan sebagai pekerja sosial perubatan atau kelayakan sebagai ahli persatuan PPPM(P)M.

5. GARIS PANDUAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN BERETIKA

5.1 Membuat Keputusan Beretika

Kod etika ini merupakan panduan dalam membuat keputusan-keputusan yang beretika. Namun demikian, ianya bukanlah berhasrat khusus untuk menentukan apa yang sepatutnya diputuskan dalam situasi-situasi tertentu.

Membuat keputusan beretika merupakan proses maklumbalas yang kritikal, penilaian dan pengadil dalam mana melaluinya pekerja sosial perubatan menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan etika, masalah-masalah dan dilema-dilema yang dihadapi.

Persoalan membuat keputusan beretika ini boleh timbul dalam amalan kerja sosial perubatan dalam pelbagai keadaan. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

- Bila kepentingan klien bertentangan dengan pihak-pihak lain atau pekerja sosial perubatan atau pertubuhan atau sistem yang lebih luas
- Bila konflik timbul antara penjagaan (care) dengan fungsi-fungsi yang berada dalam kawalan pekerja sosial perubatan
- Bila terdapat perselisihan di antara keperluan dan kepentingan klien sama ada berkaitan dengan kebolehpayaan dan pengagihan sumber atau permintaan untuk perkhidmatan yang berkesan dan boleh digunakan

- Bila tanggungjawab pekerja sosial perubatan bertentangan dengan kepentingan lain-lain profesional, kumpulan-kumpulan profesional, polisi agensi-agensi , prosedur atau tuntutan perundangan.

Dilema etika timbul apabila pekerja sosial perubatan mesti membuat pilihan antara tindakan alternatif di mana setiap alternatif memerlukan pertimbangan moral dan ianya akan memberikan kesan kepada hasil yang kadang kala tidak diingin berlaku.

Pekerja sosial perubatan seharusnya memberikan maklumbalas kepada masalah-masalah etika dan dilemma serta membuat keputusan berpandukan kepada nilai dan prinsip yang telah digariskan dalam kod etika ini. Dalam masa yang sama mereka seharusnya sedar mengenai moral diri mereka sendiri, budaya, politik, agama, masyarakat , nilai profesional, bias dan kemungkinan-kemungkinan bahawa aspek-aspek ini boleh mempengaruhi pengadilan yang dilakukan. Maklumbalas beretika boleh menyelesaikan masalah dan membantu seseorang untuk mencari jalan melalui dilema yang dihadapi.

Apabila nilai-nilai beretika dan prinsip-prinsip adalah bertentangan, pekerja sosial perubatan mempunyai tanggungjawab untuk memutuskan mana yang perlu diberikan keutamaan. Sekiranya sukar untuk dibuat pilihan antara nilai dan prinsip dalam sesetengah keadaan maka perlu ada kesamarataan dalam memberikan kepentingannya bagi mencapai keputusan yang lebih beretika dan dapat dipertahankan.

Kadang kala, ketegangan akan timbul antara memberikan perhatian kepada prinsip kod dengan kepatuhan terhadap undang-undang atau lain-lain tuntutan. Dalam masa pekerja sosial perubatan bertindak mengikut undang-undang dan arahan organisasi, tindakan yang diambil haruslah dilakukan sebagai membereskan isu-isu moral, masalah dan dilema atau menolak obligasi moral. Dalam menilai situasi moral yang komplikated adalah penting pekerja sosial perubatan menyiasat keadaan sebenar dan konteks isu tersebut serta kesan akibat tindakan yang diambil. Jika boleh, klien

seharusnya dilibatkan dalam proses membuat keputusan bilamana ianya melibatkan kepentingan klien tersebut.

Dalam proses membuat keputusan beretika adalah penting bagi pekerja sosial perubatan menggabungkan prinsip umum membuat keputusan dengan memasukkan perkara-perkara seperti berikut:

- Mendapatkan maklumat yang lengkap dan relevan mengenai perkara yang perlu dibuat keputusan.
- Mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa amalan kerja sosial perubatan dan pembuatan keputusan dilakukan dengan mengambilkira tindak tanduk yang beretika.
- Melaksanakan tugas berkaitan dengan perkara yang ada hubungkait dengan keputusan yang dilakukan.
- Memerhati dan melaksanakan prinsip keadilan sejagat (natural justice)
- Keterbukaan dalam proses membuat keputusan di dalam lingkungan tuntutan kerahsiaan yang bersesuaian.
- Bertanggungjawab dalam semua peringkat amalan kerja sosial perubatan dan proses membuat keputusan

Dalam membuat keputusan adalah dinasihatkan supaya melakukan perundingan dengan rakan-rakan sekerja, penyelia dan atau lain-lain pihak profesional yang mempunyai kepakaran. Perundingan ini penting bila situasi yang dihadapi di luar pengalaman atau luar batas kepakaran kerja sosial perubatan.. Pekerja sosial perubatan sering diminta memberikan penjelasan keputusan mereka dan seharusnya

dipersembahkan dengan sejelas-jelasnya faktor-faktor yang terlibat dalam menyampaikan keputusan-keputusan ini.

5.1.2 Konflik-Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan boleh timbul bila hubungan atau hasil keadaan tertentu mempengaruhi atau ada potensi mempengaruhi kapasiti pekerja sosial perubatan untuk bekerja secara objektif atau tidak menyebelahi mana-mana pihak. Bila konflik ini boleh dilihat atau wujud, pekerja sosial perubatan mesti mengenalpasti konflik tersebut dan memaklukkannya kepada pihak berkuasa atau seseorang yang relevan dan mengambil tindakan sewajarnya. Bilamana kepentingan umum bercanggah dengan kepentingan persendirian profesional, pekerja sosial perubatan mesti bertindak supaya pengadilan mereka tidak berat sebelah. Pekerja sosial perubatan haruslah menolak daripada menerima atau harus merujuk kes-kes yang tidak mungkin dapat dielakkan seperti konflik kepentingan.

Hal ini mungkin sukar dilakukan bila bekerja dalam masyarakat luar bandar atau kelompok khas atau situasi di mana pekerja sosial perubatan hanya seorang sahaja kerana keenganan atau rujukan mustahil boleh dilakukan. dalam keadaan seperti ini. Konflik perlu dimaklumkan kepada orang yang lebih atas dan berunding kaedah penyelesaian jika boleh. Walau bagaimanapun, mungkin perlu bagi pekerja sosial perubatan dan klien mengesahkan konflik yang wujud dan bekerja dalam situasi konflik. Sekiranya tiada penyelia atau rakan profesional yang boleh dibawa berunding maka pekerja sosial perubatan perlu menghubungi cawangan persatuan kebangsaan pekerja sosial perubatan atau mana-mana cawangan bagi bantuan untuk mendapatkan orang yang boleh memberikan sokongan. Konflik kepentingan boleh wujud dalam keadaan yang berbeza.

Terdapat contoh-contoh konflik kepentingan berlaku dalam keadaan tertentu seperti:

5.1.2(1) Klient tidak sukarela

Ketegangan boleh kerap berlaku apabila fungsi penjagaan dan fungsi yang berada dalam kawalan pekerja sosial perubatan berkonflik dengan kepentingan klien yang tidak sukarela atau dengan tuntutan undang-undang, pihak ketiga atau lain-lain pihak. Perundingan dengan lain-lain profesional adalah dicadangkan, apabila menyatakan kewujudan konflik.. Sebaik mungkin pekerja sosial perubatan harus bersikap terbuka dengan klien mengenai konflik, mendapatkan klien terlibat dalam mengenalpasti konflik yang mungkin wujud dan berunding mengenai langkah terbaik bagi hasil yang boleh dicapai, membela sesetengah klien mendapatkan hak-hak yang munasabah dan faedah mengikut keperluan organisasi dan masyarakat. Pada bila-bila masa, kepentingan klien patut diberikan keutamaan dengan mempertimbangkan kepentingan pihak lain yang berkaitan.

5.1.2(2) Kepelbagaian Klien

Apabila kepentingan klien atau kumpulan klien sebenarnya berkonflik atau boleh menjadi berkonflik dengan kepentingan seseorang atau banyak pihak lain, pekerja sosial perubatan seharusnya memberikan penjelasan mengenai semua pihak yang mana kepentingannya akan menjadi keutamaan. Sebagai contoh, keadaan di mana pekerja sosial perubatan mempunyai seorang atau lebih ahli dalam keluarga, berkaitan dengan perniagaan atau sesetengah organisasi sebagai kliennya atau berkaitan dengan mandat utama organisasi yang jelas seperti hospital kepada pesakit, perlindungan kanak-kanak kepada kanak-kanak., pasukan jagaan orang tua kepada orang tua dan seterusnya.

Pekerja sosial perubatan harus juga mengenalpasti siapa di kalangan pihak-pihak yang terlibat dalam konflik kepentingan dipertimbangkan sebagai klien yang utama atau klien dan harus berusaha meminimalkan potensi konflik yang timbul daripada situasi atau berkaitan dengan obligasi seperti pertimbangan etika atau tuntutan perundangan seperti dalam perlindungan kanak-kanak.

5.1.2(3) Kerahsiaan

Apabila kerahsiaan dibocorkan oleh sama ada klien dewasa atau kanak-kanak sehingga memberikan kesan samada kepada mereka atau orang lain iaitu berada dalam keadaan berisiko dcederakan atau disakiti, persoalan mengenai siapakah klien dan kepada siapakah seharusnya saya patuh/setia? sebenarnya menimbulkan dilema kepada pekerja sosial perubatan khususnya bila mana laporan mandotari undang-undang tidak digunapakai.

Dalam situasi yang menggugatkan seperti keganasan rumahtangga atau penganiayaan kanak-kanak, menjaga kepentingan mereka yang disakiti atau orang yang diberi perlindungan adalah prinsip yang perlu diambilberat. Pekerja sosial perubatan mempunyai obligasi beretika untuk berkongsi maklumat yang sesuai yang akan menguatkan perlindungan atau akan memaklumkan keputusan relevan yang dibuat.

Apabila pendedahan kerahsiaan adalah mengikut kebenaran bilamana undang-undang meminta laporan atau maklumat yang rahsia, maka ketegangan akan timbul antara permintaan perundangan dengan pertimbangan etika. Pekerja sosial perubatan yang mematuhi kod mungkin memutuskan bahawa mengekalkan kerahsiaan adalah etika yang dikenalpasti dalam sesetengah keadaan. Walau bagaimanapun, kepatuhan kepada kod tidak melindungi pekerja sosial perubatan daripada dikenakan tindakan undang-undang.

5.1.2(4) Tempat Kerja

Konflik boleh timbul di antara kepatuhan kepada Kod etika dan permintaan pekerjaan yang tidak konsisten atau konsisten dengan syarat-syaratnya. Ketegangan antara pertimbangan etika, arahan rasmi, kepentingan klien, perjanjian dan keperluan serta mengekalkan kerja adalah sangat sukar untuk diseimbangkan dan diselesaikan.

Dalam keadaan ini pekerja sosial perubatan harus mendapatkan sokongan rakan sekerja, penyelia, pengurus yang bersesuaian. Bila kepentingan majikan atau arahan berkonflik dengan praktis beretika, pekerja sosial perubatan harus membuatkan majikan atau pihak berkuasa jelas dengan konflik yang berlaku dan cuba berunding ke arah penyelesaian dan melindungi kepentingan klien yang sebaik mungkin dimana yang terlibat. Jika konflik etika berterusan, nasihat dan sokongan boleh diminta daripada Persatuan Pegawai Pembangunan Masyarakat (Perubatan) Malaysia, lain-lain kumpulan atau masyarakat keseluruhannya.

Mencabar majikan mengenai asas etika mungkin mendedahkan pekerja sosial perubatan kepada tindakan undang-undang atau organisasi. Pekerja sosial perubatan harus mengesahkan dan mengambikira perkara ini dalam mengembangkan strategi untuk menyatakan situasi tersebut.

5.1.3 Penolakan Sebulat Suara

Dalam keadaan tertentu, penolakan sebulat suara mungkin boleh digunakan sebagai asas justifikasi untuk mengarahkan semula perkhidmatan kepada perkhidmatan lain. Dengan kepelbagaian pandangan berpandukan etika yang munasabah yang diberikan oleh individu dalam profesyen kerja sosial, Persatuan Pekerja Sosial Antarabangsa menghormati hak-hak pekerja sosial untuk menolak urusan yang berkaitan dengan kesalahan yang bertentangan dengan personal, moral, spiritual, budaya. Bagaimanapun, penolakan ini mestilah berasaskan alasan yang konsisten dengan tujuan

profesional, nilai dan prinsip dan yang meliputi kefahaman tentang peranan dan tugas pekerja sosial perubatan.

Penolakan sebulat suara tidak seharusnya dikelirukan oleh ketidakinginan pekerja sosial perubatan untuk berhadapan dengan isu-isu tertentu atau untuk bekerja dengan klien tertentu kerana ketakutan peribadi mereka, kesukaran atau batasan tertentu. Ianya bukan mengenai aspek etika tetapi perkara berkaitan dengan perundingan profesional dan penyeliaan.

Penolakan sebulat suara tidak seharusnya digunakan dalam perkara-perkara seperti berikut:

- Untuk mengelakkan penyiasatan nilai-nilai peribadi, stereiotip atau bias
- Untuk mengelak daripada memenuhi jangkaan kerja
- Untuk mendiskriminasi klien
- Untuk menafikan perkhidmatan kepada klien

Pekerja sosial perubatan yang berhadapan dengan kemungkinan berlakunya konflik antara hukuman kesalahan dengan tanggungjawab kerja mereka harus memaklumkan kepada majikan semasa atau bakal majikan di masa hadapan. Dalam keadaan ini, mereka harus memaklumkan kepada rakan sekerja dan pihak atasan dalam usaha untuk mendapatkan keputusan yang tidak akan mendatangkan keburukan kepada klien, rakan sekerja atau majikan. Ini bermaksud klien mungkin akan dirujuk semula kepada perkhidmatan yang lain.

Rujukan

1. International Federal of Social Work (1994). *Ethics of Social Work – Principles and Standard*, Norway, IFSW
2. National Association of Social Works (1997) *Code of Ethics of The NASW*, USA, Machigan State Univercity
3. Australian Association of Social Workers (1999). *Code of Ethic*. Canberra, AASW

Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Etika

Suraiyah Bt Harun
Harolhanam bin Mohamed Wahid
Azizah bt Ahmad
Abdul Halim bin Hj Jamil
Rosanida bt Anang
Maisarah bt Hamdan
Roszida bt Ahmad Zahid
Yanti Suria bt Othman